

Bukan tugas perkeranian sahaja menjadi beban

Bilangan guru tidak cukup

Oleh **KU SYAFIQ KU FOZI**

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 30 DIS.

KOMITMEN Kementerian Pendidikan meringankan beban guru terutama dari segi tugas-tugas perkeranian mendapat sambutan baik daripada warga pendidik memandangkan isu tersebut telah berlanjutan sejak sekian lama.

Namun, tugas perkeranian tidak relevan bukan satu-satunya beban terpaksa ditanggung golongan itu sebaliknya terdapat masalah seperti bilangan guru tidak mencukupi.

Sehubungan itu, Presiden Persatuan Pesara Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (PPPPM), Datuk Abdul Raof Husin berharap, Kementerian Pendidikan memfokuskan terhadap isu itu juga.



ABDUL RAOF HUSIN




MOHD. AZIZEE HASAN

“Ini bukan isu kecil. Jika satu sekolah kurang lima guru, sudah kira-kira 125 waktu di sekolah itu tiada guru dalam seminggu. Jika tiada guru ganti, guru lain pula perlu menggantikan mereka, sekali gus menambah beban guru lain.

“Kini tiada peruntukan sekolah mengambil guru ganti termasuk untuk guru yang mengambil cuti bersalin. Peruntukan terpaksa diambil dari dana Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG),” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Dalam pada itu, Presiden Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (i-Guru), Mohd. Azizee Hasan juga berpendapat masalah kekurangan guru sesuatu yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian Pendidikan.

“Memahami impak kewangan yang besar jika kementeri-



KERAJAAN digesa menangani masalah kekurangan guru dan beban tugas bukan hakiki termasuk perkeranian dan lain-lain. - GAMBAR HIASAN

an mahu membuka perjawatan yang lebih ramai untuk guru, Azizee berpendapat kerajaan boleh memperluas pelantikan guru interim di seluruh negara.

“Tetapi guru interim ini perlu diambil daripada kalangan graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) dan diberi jaminan akan diserap sebagai guru tetap dalam tempoh be-

berapa tahun. *Utusan Malaysia* pernah melaporkan pada Julai lalu terdapat 6,500 graduan masih belum ditempatkan.

“Maknanya, yang nak jadi guru itu ada ramai malah berkelayakan, cuma untuk kurangkan beban kewangan lantik mereka sebagai guru interim terlebih dahulu sebelum diserap menjadi guru tetap,” katanya.

INFO

ANTARA CABARAN KERJA GURU

- Mengurus murid ke pertandingan atau program di luar sekolah.
- Tiada perlindungan insurans ketika menghantar pelajar ke luar sekolah.
- Warden asrama hanya berseorangan mengawal ratusan pelajar dan bekerja 24 jam.
- Terlalu banyak sistem pengisian maklumat yang tidak bersepadu.
- Petunjuk prestasi utama (KPI) terlalu mendesak.
- Diganggu ibu bapa murid melalui aplikasi Whatsapp dan Telegram di luar waktu pejabat.
- Mesyuarat ketika cuti sekolah.
- Tiada elaun untuk kerja lebih masa.
- Kelas tambahan pada waktu cuti sekolah dan waktu malam.
- Mengurus disiplin pelajar.
- Sistem pendidikan yang berubah dalam masa singkat.
- Mengeluarkan wang sendiri untuk menyediakan alat bantu mengajar (ABM).